



KERTAS KERJA SEMINAR ANTARABANGSA DAN FESTIVAL P RAMLEE 2025

PENGENALAN BIODATA

Saya Awang Abu Bakar Bin Lani
seorang pengiat seni lahir di
Negara Brunei Darussalam pada 05
Febuary 1953 dan telah berkecimpung
dalam dunia seni hiburan dari kecil
ke zaman remaja hingga sekarang.

Penglibatan serta penganjuran
sepenuh nya dalam dunia karya P
Ramlee bermula setelah saya
menamatkan kerjaya didalam Pasokan
Polis DiRaja Brunei Tahun 1994.

Sebagai Pengerusi dan peneraju
KPPRN Brunei sejak 2014 sehingga
sekarang dan terus aktif
memperjuangkan seni dan warisan
peninggalan Seniman Agong
Alahyarham Tan Sri P Ramlee dengan
segenap cara dan usaha meskipun
menghadapi bermacam halangan dan
rintangan.

PENDAHULUAN

Kertas kerja ini merupakan
Seminar Antarabangsa Dan Festival
P Ramlee 2025
yang dikelola oleh Kelab
Peminat P Ramlee Pulau Pinang.

TUJUAN

Untuk berkongsi pengalaman sambil
mengkaji serta menganalisis
tentang filem filem P Ramlee
sama ada karya cipta atau
lakonan nya.

PERANAN DAN PEMBENTANGAN

Alhamdulillah saya mewakili
sahabat
sahabat di Brunei Darussalam
akan menyampaikan dua buah kertas
kerja berdasarkan filem Tiga Abdul
dan Musang Bejanggut.

MUSANG BERJANGGUT

Air Pasang Di Sungai Pujut
Satu Aliran Ke Sungai Miri
Buka Cerita Musang Berjanggut
Inilah Tujuan Saya Kemari

Tempat Bernama Coco Cabana
Tempat Orang Berasmara Dana
Negeri Bernama Pura Cendana
Sultan Bernama Alam Shahbana

Assalamualaikum Wahrahmatullahi Wabarkatuh Dan
Salam Sejahtera.

Musang Berjanggut merupakan sebuah filem komedi
Melayu yang diterbitkan di Singapura pada 1 Ogos 1959.
Filem Musang Berjanggut diterbitkan dalam bentuk
hitam putih.

Pengarah P Ramlee
Penulis P Ramlee
Dihasilkan Runme Shaw
Dibintangi oleh P Ramlee Saadiah

Filem ini bermula, Sultan Alam Shahbana (Ahmad Nisfu) memerintah Negeri Pura Chendana. Baginda dibantu oleh Datuk Bendahara (Udo Umar), Datuk Bentara Mangku Bumi (Malik Sutan Muda), Datuk Pujangga (Nyong Ismail) dan Datuk Nikah Kahwin (Mustarjo).

Baginda Sultan tidak mempunyai waris dan bertitah kepada sekalian hamba rakyat untuk mengambil seorang anak angkat. Setelah dicanang, maka ramailah ibu bapa membawa anak mereka ke Istana. Negara Pura Chendana mempunyai seramai 700 orang bayi, 100 orang bayi lelaki dan 300 orang bayi perempuan. Manakala selebih nya telah meninggal dunia. Pada hari pertandingan hanya 10 orang bayi lelaki sahaja yang bertanding. Baginda Sultan telah tertarik dengan seorang bayi lelaki yang bernama Nila. Ibu nya bernama Biji Saga dan bapanya bernama Kelopak Salak. Mereka berdua telah dikurniakan sebuah rumah di luar perkarangan Istana agar Nila boleh berulang alik dengan mudah nya. Dihari itu juga, Baginda Sultan mengisytiharkan **Nila Utama sebagai Raja Muda Pura Chendana. Tun Nila Utama nama yang dipilih oleh Baginda Sultan.**

Tun Nila Utama (P Ramlee) melengkapkan diri semasa remaja untuk menjadi pengganti Sultan. Tun Nila Utama mahir dalam dunia persilatan dan ilmu ghaib. Setelah

sekian lam menuntut, akhir nya Tun Nila Utama pulang ke Istana.

Kepulangan nya di sambut meriah. Kemudian Baginda Sultan memerintahkannya untuk mendirikan rumah tangga. Tun Nila Utama enggan kerana menganggap semua perempuan yang ada didalam Negeri nya itu hanyalah semata-mata nya betina. Apabila ditanya Baginda Sultan apakah perbezaan nya, Tun Nila Utama pun menjawab, **Perempuan menjaga maruah, tetapi betina menjual nya.**

Baginda murka dengan perkataan Tun Nila Utama itu. Kemudian Baginda member tempoh satun tahun kepada Tun Nila Utama pergi keluar mencari isteri. Jika gagal, Tun Nila Utama akan dihukum pancung. Tun Nila Utama keluar dari Negeri Pura Chendana dengan berbekalkan azam dan seuncang yang mempunyai campuran pelbagai bahan masakan. Dia telah bersumpah, barang siapa yang mahu memasak bahan didalam uncang nya itu, maka perempuan itulah yang akan diperisterikannya. Sekiranya dia gagal, Tun Nila Utama tidak akan mencukur janggut dan misai dan tidak akan pulang semula di Negara Pura Chendana.

Dalam perjalanan pelbagai perkara yang ditempuhi nya.

Tidak kurang mengatakannya gila. Sehingga pada suatu hari, Tun Nila Utama bertemu dengan Puspawangi

(Saadiah) selepas nyanyi lagu ***Nenek Si Bongkok Tiga*** ditepi pantai. Disana Puspawangi telah membawa Tun Nila Utama ke rumahnya. Kedatangan Tun Nila Utama telah disambut baik oleh ibubapa Puspawangi. Apabila makanan hendak disediakan, Tun Nila Utama menghulurkan uncangnya. Keliru atau pun muslihat, itulah yang bermain dipikiran Puspawangi dan ibunya setelah melihat kandungan uncang Tun Nila Utama. Ibunya mahu memulangkan uncang tersebut, tetapi telah dihalang oleh Puspawangi. Lantas Puspawangi mengasingkan campuran bahan tersebut. Setelah makanan disediakan, akhir nya Tun Nila Utama pun diberitahu bahawa masakan malam itu adalah dari uncang nya. Bagi mengotakan sumpah nya Tun Nila Utama menyatakan hasratnya untuk mempersiterikan Puspawangi. Selepas mendirikan rumah tangga, Tun Nila Utama kembali ke Pura Chendana.

Hajat Tun Nila Utama sebenarnya telah menjadi penghalang kepada Megat Alam Sengketa (Shariff Dol) untuk meraih Puspawangi. Dalam perjalanan pulang Tun Nila Utama, Megat Alam Sengketa membuat helah. Perhitungan diadakan di antara Tun Nila Utama dengan Megat Alam Sengketa. Akhirnya Megat Alam Sengketa tertewas dan Tun Nila Utama meneruskan perjalanan ke Pura Chendana.

Kepulangannya disambut meriah oleh keluarga dan seluruh Negeri Pura Chendana. Keesokannya Tun Nila Utama menghadap Baginda Sultan. Oleh kerana keayuan yang ada pada Puspawangi, Baginda Sultan dan 4 orang Menteri nya mahukan Puspawangi untuk diri sendiri. Perancangan telah dibuat dan Tun Nila Utama telah dititahkan keluar untuk mencari Musang Berjanggut untuk mengubati sakit Baginda Sultan.

Puspawangi mengesyaki sesuatu dan meminta suaminya untuk bersembunyi didalam kampong. Tun Nila Utama bersetuju. Sebaik saja Tun Nila Utama keluar meninggalkan rumah, utusan Baginda tiba. Puspawangi menghadap Baginda. Baginda memberitahu Puspawangi yang Baginda mahu mendampingi Puspawangi.

Puspawangi bersetuju. Dalam perjalanan pulang, satu persatu Menteri membuat temujanji dan Puspawangi bersetuju. Puspawangi telah merancang satu muslihat untuk merangkap Datuk Nikah Kahwin yang berjanggut kedalam sebuah peti pada malam itu. Puspawangi Berjaya memperdaya kesemua Datok Menteri termasuk Baginda Sultan Sendiri. Puspawangi juga dibantu oleh suaminya sendiri.

Musang Berjanggut dibawa ke Istana oleh Tun Nila Utama. Baginda Sultan dan Menteri-Menterinya terkejut apabila melihat Datok Nikah Kahwin berada didalam peti.

Masing-masing menyalahkan diantara satu sama lain. Tetapi mereka Cuma berdiam apabila masing-masing menyadari akan kejadian malam tadi. Menyadari akan kesalahan yang telah dilakukan, maka Baginda Sultan telah meletakkan jawatan sebagai Sultan dan menyerahkan jawatan itu kepada Tun Nila Utama. Baginda juga menitahkan agar kesemua Menteri-Menterinya juga berbuat demikian bagi menebus kesalahan mereka.

Dalam filem Musang Berjanggut ini terdapat 4 lagu yang diilhamkan oleh P Ramlee diantara nya.

Pura Chendana

Nyanyian P Ramlee, S Sudarmaji, Ahmad C, Rahmah Rahmat & Aion Rahmat.

Nenek Si Bongkok Tiga

Nyanyian Aion Rahmat & Rahmah Rahmat (Saadiah)

Mari kita ke ladang

Rahmah Rahmat & Barisan pelakon filem ini

Jangan Adik Angan-Angan

Nyanyian P Ramlee & Rahmah Rahmat

Ulasan contoh sindiran dalam filem Musang Berjanggut ini adalah diantara nya.

Penjajahan dan perhambaan. Dialog mengenai semut yang menjajah dan menjadikan kawanan lain sebagai hamba merupakan sindiran terhadap praktik penjajahan dan perbudakkan yang terjadi dalam masyarakat.

Keangkuhan dan sifat fana terdapat dialog yang menyindir kesombongan, dimana karakter-karakter ditunjukkan begitu diyakini sifat kekal dan sesuatu yang sebenarnya tidak abadi dan dapat hilang begitu saja.

Nesihat dan pengajaran. Secara umum, keseluruhan cerita dalam Musang Berjanggut dipenuhi dengan pesan-pesan pengajaran yang disampaikan melalui sindiran-sindiran tajam, bertujuan agar penonton berpikir dan merenungkan situasi disekitar mereka.

Pesan dalam filem. P Ramlee dikenal kerana kemampuannya menyampaikan kritik social secara cerdas melalui filem-filem nya. Musang Berjanggut adalah salah satu karyanya yang memadukan komedi dengan pesan mendalam, membuat tetap relevan dan digemari penonton kerana memiliki daya tarik yang tidak ada habis nya.

Pada Tahun 1959 Seniman Agung P Ramlee mengarah dan menerajui sebuah filem berjudul Musang Berjanggut yang diterbitkan oleh Runme Shaw. Filem tersebut

dilakonkan diantara lain oleh P Ramlee sendiri sebagai Tun Nila Utama, dan Saadiah sebagai Puspawangi. Saya masih ingat menonton filem ini semasa zaman kanak-kanak yang dimainkan oleh Jabatan Penerangan ke Kampung-Kampung waktu itu belum ada siaran television. Apa yang mempesonakan saya sebagai kanak-kanak hanyalah tentang komedi nya tanpa mengetahui mesej sebenarnya yang terkandung dalam cerita tersebut.

Selepas itu menonton semula berkali-kali Musang Berjanggut dan saya dapati mesej yang ingin dihantar oleh P Ramlee jauh lebih besar dari apa yang saya pikirkan sebelum ini.

Selain itu bahagian kedua filem ini memaparkan kerendahan moral, keburukan akhlak pada golongan yang dimaksudkan. Lebih menjolok mata, atau mengelikan hati ialah pemaparan seorang ulama jahat iaitu orang yang dipercayai dapat menjalankan amanah dan tanggungjawab. Mereka adalah gambaran loyalists yang kita kenak hari ini atau minions (atau pak turut buta). Ini menunjukkan korupsi moral segelintir agamawan yang mendukung kuasa politik. Mereka sanggup merubah hukum agama demi menghalalkan penerusan kuasa.

Ia juga menunjukkan wewenang politikus yang boleh bertindak melulu dan semberono demi kepentingan diri.

Ia adalah pencabulan hak rakyat.

Cerita ini mengandung pesan moral untuk menghargai kepercayaan, menjaga harga diri, dan menunjukkan kesetiaan serta kecerdikan dalam menghadapi masalah.

Ulasan dan kritikan

Setelah membawa penonton dengan telatah-telatah lucu di masyarakat moden (Bandar) dan masyarakat kampung, filem ini membawa penonton ke masyarakat atasan berdasarkan cerita dongeng yang dihasilkan lakon layar dan dialog nya (jalan bahasa) oleh P Ramlee sendiri. Kiasan nya tajam dan memedihkan. Filem ini juga menyajikan sebuah kisah romantis dengan sentuhan magis dan kritik social terhadap penguasa yang korup dan penipu.

Musang Berjanggut juga menyampaikan pesan agar tidak mudah percaya dengan penampilan luar, kerana banyak orang munafik yang menyalahgunakan kekuasaan untuk keuntungan peribadi. Selain itu filem ini menekankan pentingnya kesetiaan dan menolak pemimpin yang tidak memiliki integritas.

Sekian Wahbillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Wahrahmatullahi Wabakatuh.

